

PM mahu ahli Puteri teruskan perjuangan

BH 2 NOV 2002

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat – Perjuangan ahli Puteri Umno tidak harus terhenti apabila mencapai usia melebihi 35 tahun dan tidak melayakkan mereka terus berada dalam sayap baru Umno itu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya mereka harus meneruskan perjuangan di peringkat lebih tinggi dan dalam pergerakan yang lebih dewasa iaitu Pergerakan Wanita Umno.

"Kita nak supaya ahli-ahli Puteri meneruskan

perjuangan di peringkat lebih tinggi. Semua ahli Puteri harus mengingatkan diri bahawa satu hari nanti mereka akan menganggotai Pergerakan Wanita.

"Mereka mesti menentukan kejayaan Pergerakan Wanita. Inilah cara kita mengekalkan pertubuhan kita," katanya.

Beliau berucap pada Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini. Ini adalah perhimpunan pertama sejak entiti itu diterima secara rasmi sebagai sayap baru parti itu pada Perhimpunan Agung

Umno Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Badawi; tiga Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein dan Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Dr Mahathir berkata, jika ahli Puteri menamatkan perjuangan setakat had usia Puteri, usaha mereka selama ini dalam Puteri akan menjadi sia-sia.

Beliau juga berkata, Puteri Umno adalah sayap penting parti kerana ber-

peranan mengekal serta meneruskan kesinambungan perjuangan Umno.

"Kita percaya jika kita mendapat penyertaan daripada ramai golongan muda yang pemikiran mereka belum lagi dicemari, maka mereka akan lebih faham perjuangan yang perlu diteruskan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kewujudan Puteri dan Pe-

muda Umno diharapkan meneruskan perjuangan bangsa Melayu yang tidak akan pernah selesai.

"Sesuatu bangsa mesti menghadapi cabaran sepanjang masa. Kita tidak boleh percaya bahawa kita sudah begitu gagah, begitu kuat, begitu kaya, sehingga tidak ada lagi masalah yang perlu kita atasi," katanya.

Dr Mahathir dalam uca-

pannya turut menyentuh kehangatan proses pencalonan dan mesyuarat bahagian Puteri Umno sehingga membabitkan laporan polis dibuat terhadap Azalina.

Katanya, Umno tidak pernah mengizinkan segala bentuk jenayah dan tindakan sewajarnya akan diam-bil jika ia berlaku.

"Tetapi seseorang itu ti-

dak bersalah sehingga dia didapati bersalah. Kalau semasa pertandingan saja barulah dibangkitkan kesalahannya yang dilakukan, kita fikir tuduhan itu mungkin ada kaitan dengan kepentingan politik," katanya.

Pada masa sama, Dr Mahathir juga menggesa semua pihak tidak menggunakan cara di luar politik untuk menjayakan perju-

ngan masing-masing.

"Sepatutnya kalau kita dapati kita tidak dapat sokongan ramai, maka patutlah kita tamatkan perjuangannya kita," katanya sambil menegaskan selagi tiada bukti menunjukkan seseorang itu bersalah, beliau berhak mengambil bahagian dalam politik serta memegang jawatan dalam parti," katanya.